

08/05/1998

Manfaatkan tempoh kegawatan ekonomi

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tempoh kegawatan ekonomi harus digunakan untuk melaksanakan reformasi yang sangat diperlukan bagi membersihkan penyalahgunaan dan pembaziran.

Dalam wawancara dengan majalah Fortune keluaran Mei, Timbalan Perdana Menteri berkata, ketika rombongan pengurus dana antarabangsa mula menyerbu pasaran Asia lima tahun lalu, sudah ketara ekonomi rantau ini tumbuh terlalu pantas dan kadar pertumbuhannya tidak akan dapat dikekalkan.

"Tetapi sebelum masalah ekonomi melanda, kerajaan Asia seolah-olah tidak akan berbuat silap. Sekarang nampaknya seolah-olah tidak ada satupun yang mereka buat dilihat sebagai betul," katanya dalam wawancara yang diadakan ketika beliau berada di Amerika Syarikat, baru-baru ini.

Lawatan beliau yang juga Menteri Kewangan itu bagi menghadiri perjumpaan Majlis Hubungan Luar di Bandaraya New York dan mesyuarat Bank Dunia-Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di Washington.

Fortune, yang menyifatkan lawatan Anwar sebagai membawa `ketulusan seperti tiupan angin segar dari Timur', mendapatkan pandangannya berhubung isu semasa termasuk kedudukan ekonomi serantau serta urusan niaga Petronas dan Konsortium Perkapalan Bhd (KPB).

Ditanya mengenai masa depan rantau ini sekarang, Anwar berpendapat, saat terburuk sudah berlalu dengan keadaan ekonomi di Thailand dan Korea Selatan semakin pulih.

"Saya percaya kita tidak akan menghadapi masalah lagi kecuali jika pemimpin politik tersilap langkah. Kita mesti memuji langkah Indonesia. Syarat yang dikenakan oleh IMF sebelum ini terlalu ketat dan tidak mengambil kira isu agenda sosial.

"Jika berlaku kekacauan dan kekurangan makanan, saya tidak fikir program seumpama itu boleh diterima," katanya sambil menambah, ringgit juga semakin mengukuh, Indeks Komposit pasaran saham di Malaysia kian meningkat dan pasaran eksport masih kukuh.

Menurutnya, Malaysia juga masih mengalami kadar guna tenaga penuh dengan kekurangan pekerja kira-kira 60,000 orang bagi sektor pembuatan dan 50,000 dalam sektor perladangan.

Walaupun pelaburan langsung asing agak perlahan, kira-kira 70 peratus datang dari syarikat Amerika, yang bermakna mereka tidak terlalu terpengaruh dengan sikap pesimis segelintir penganalisis dan pengurus dana.

Ditanya mengenai pengambilalihan beberapa syarikat perkapalan dan kapal tangki anak syarikat KPB milik Mirzan Mahathir yang disifatkan oleh Fortune sebagai pertembungan antara kepentingan perniagaan dan kerajaan, Anwar menegaskan:

"Kita tidak akan menyelamatkan mana-mana syarikat. Kami membiarkan Petronas merundingkan pembelian itu, yang dibuat berdasarkan penilaian bebas syarikat pakar perkapalan di London.

"Saya tidak menggalakkan bankrap tetapi tidak juga akan menghalangnya daripada berlaku. Saya hanya akan menyatakan kepada bank, sila berunding dan kemudian buat keputusan, kerana saya bukanlah orang yang memberikan pinjaman," katanya.

(END)